


PRU-14

IBU SEGALA PILIHAN RAYA?



Menghadapi PRU-14, BN masih menguasai parlimen namun, kedudukan kerusi antara parti komponen ini tidak begitu membanggakan apatah lagi meyakinkan. Darpada jumlah 222 kerusi, BN menduduki 133, manakala pembangkang menguasai 89 kerusi. Dalam sistem demokrasi berparlimen, pembentukan kerajaan hanya memerlukan majoriti mudah. Oleh hal yang demikian, daripada 222 jumlah kerusi, sejumlah 112 sudah mencukupi untuk membentuk kerajaan. Hal ini bermakna, BN yang kini memiliki 133 kerusi, memiliki kelebihan 21 kerusi. Seterusnya, pembangkang yang memiliki 89 kerusi pula memerlukan 23 kerusi lagi.

Apakah mungkin berlaku perubahan ini pada PRU-14? Apakah BN dapat mempertahankan kedudukan, malah memperkukuh kedudukan, apatah lagi dengan perpecahan yang berlaku dalam kerjasama pembangkang khususnya dengan perubahan sokongan PAS? Semua ini menjadi perhatian menjelang PRU-14. Melihat akan kedudukan yang amat mencabar dalam kedua-dua PRU sejak 2008, maka PRU kali ini memang begitu sengit, tegang dan panas apatah lagi dengan pelbagai perkembangan terbaharu yang berlaku. Selain perubahan PAS, kemunculan semula Tun Dr. Mahathir, kemunculan Amanah, Warisan serta pelbagai isu yang hangat telah berjaya menarik perhatian pengundi

dan pemerhati di dalam dan luar negara untuk mengikuti senario ini dengan lebih dekat.

Maka tidak hairanlah PRU-14 ini dapat dianggap sebagai ibu segala pilihan raya, berbanding dengan PRU sebelum ini. Pelbagai persoalan boleh dibangkitkan, apakah PRU ini merupakan tanda noktah kepada Pakatan Harapan memandangkan perpecahan yang berlaku? Apakah Kedah yang telah melahirkan YDP Agong dua kali akan melahirkan pula perdana menteri dua kali dari "tubuh" yang sama? Apakah juga boleh menjadi noktah maut kepada MCA dan Gerakan yang mewakili komponen BN bukan Melayu? Apakah turut berlaku perubahan besar dalam politik Sabah dan pantai timur semenanjung? Semua ini dianalisis dengan penuh teliti oleh pemerhati politik.

BN dan Peluang

Melihat akan situasi perpecahan dalam pakatan pembangkang kelihatannya seperti memberikan jalan mudah kepada BN. Peralihan sokongan PAS kepada UMNO sudah tidak berahsia lagi, tanpa sembunyi dan tanpa "malu-malu" lagi. Pelbagai majlis besar BN dihadiri oleh pemimpin utama PAS dan sebaliknya. Melihat akan perubahan ini kelihatannya seperti BN tidak perlu bimbang dengan kerusi di Kelantan dan beberapa kerusi majoriti Melayu di Terengganu, Kedah dan Perlis kerana semua itu menjadi dominasi PAS dan UMNO yang semacam dapat menumpang keselesaan.



PAS mengambil keputusan untuk bersendirian pada PRU-14 kelak.

perhatian utama kepada golongan ini sebenarnya. Memang mereka berada di atas pagar, tetapi keputusan mereka turut mampu menggegarkan.

Kepentingan Pakatan Elektoral

Kekuatan gerakan pembangkang sejak daripada PRU-12 sebenarnya bukan kerana semua parti itu amat disukai atau berjaya menawan hati majoriti pengundi. Pembangkang mendapat undi popular atau semua jumlah undi (bukan kerusi) yang diibuang, tetapi kejayaan ini sebenarnya adalah kerana kejayaan mereka membina pakatan elektoral yang berkesan.

Pakatan elektoral bermaksud parti pembangkang bermuafakat sesama mereka untuk meletakkan calon mereka satu lawan satu dengan BN. Dengan kejayaan muafakat ini, maka pengundi yang menyokong salah satu parti pembangkang akan secara sukarela mengundi calon pembangkang lain yang bekerjasama dengan parti mereka. Seperti juga komponen BN, penyokong UMNO akan menyokong calon daripada MCA yang bertanding di kawasan mereka kerana calon itu datangnya daripada parti yang bekerjasama dengan partinya. Kegagalan berbuat demikian hanya akan menjadikan undi tersebar kepada beberapa calon dan akan memberikan kelebihan kepada parti yang sepadu muafakatnya.

Menjelang PRU-14 setakat ini belum nampak pakatan elektoral akan dilakukan dengan kemas oleh pembangkang. Dengan tindakan PAS yang mula berjinak-jinak dengan BN, hal ini telah menjadikan pakatan pembangkang menjadi lebih lemah dari dahulu. PAS merupakan parti dominasi pengundi Melayu di Kelantan, Terengganu dan beberapa kawasan di Kedah dan Perlis. Dengan tindakan PAS yang beralih arah, sudah tentu muafakat dalam pakatan pembangkang menjadi kurang padu. Kerusi di Kelantan dan Terengganu kelihatan agak samar-samar bagi mereka. Muafakat ini juga kelihatan tidak menjadi di Sabah. Dalam masa terdekat ini usaha muafakat masih berterusan, namun kelihatan segala-galanya terpaksa dibuat tanpa kerjasama parti ulama tersebut.

PKR, DAP, Bersatu dan PAN nampaknya terpaksa membina strategi baharu. Satu petua utama kepada kejayaan ialah semangat setia kawan yang menerima keputusan akhir permuafakatan dalam peletakan calon dan tidak kemudian meletakkan calon bebas sebagai langkah "tikam belakang" yang merosakkan semangat kerjasama ini. Perlu diingatkan bahawa hal yang sama pernah berlaku di Petaling Jaya pada PRU lepas, satu tindakan belot belakang pentas.

Pembangkang dan Pakatan Harapan

Pembangkang di negara ini memang menghadapi persaingan PRU dengan lebih getir sejak dari dahulu lagi. Di samping cuba menyaingi kekuatan yang memang menyalah BN, pembangkang terpaksa berhadapan dengan pelbagai kekurangan. Media utama negara dikuasai pemerintah, kekuatan perbelanjaan atau faktor kewangan juga menyalah BN, jentera dan apparatus pemerintah yang ada juga menyalah rejim pemerintahan. Dalam kebanyakan negara membangun seperti Malaysia, politik masih tidak dapat membezakan antara parti pemerintah dengan kerajaan. Aparatus kerajaan menjadi kemudahan parti dan ini memberikan kelebihan besar. Pembangkang ternyata kalah dalam faktor ini.

Sedikit ruang yang memberikan semangat kepada pembangkang hanyalah dengan kehadiran teknologi maklumat yang serba canggih kini. Media sosial, telefon pintar, e-mel dan internet amat membantu, sebenarnya bukan sahaja kepada pembangkang tetapi kepada semua, termasuk pemerhati politik dan calon bebas. Kelihatannya kelebihan ini amat dimanfaatkan kini apabila pelbagai blog, akhbar maya dan tv internet yang berkembang umpama cendawan tumbuh. Perkembangan ini sudah menjadi seperti empanan pecah yang tidak mungkin dapat dikedang lagi.

Kehadiran Tun Dr. Mahathir sudah tentu memberikan impak, walaupun tidak semestinya mengubah *status-quo*. Sokongan kepada ketokohan bekas PM ini memang tidak diragukan lagi terutama dalam kalangan golongan massa, orang kebanyakan terutama generasi yang lebih lama, golongan pedalaman, bawahan dan sudah tentu juga

dari negerinya. Beberapa pemimpin lama yang dekat dengannya seperti Daim, Sanusi dan Rafidah turut sesekali bersuara dan semua ini memberikan semangat kepada parti Bersatu yang baru ditubuhkan ini.

Pakatan Harapan (PH) yang kelihatan seperti ketanduan kepemimpinan secara tiba-tiba berasa seperti terubat dengan kehadiran semula tokoh ini. Sebelum

ini pelbagai tanda tanya, apakah Dr. Wan Azizah, Azmin, Muhyidin atau Lim Kit Siang yang selayaknya berada di puncak PH. Semuanya tidak mendapat suara konsensus penyokong, namun dengan kehadiran Tun M, ternyata hal tersebut semacam langkah kanaan bagi mengisi kekosongan yang ada. Gerakan PH kelihatan lebih bermaya daripada sebelum ini. Beliau mendapat sokongan moral yang amat tinggi dari luar negara, namun situasi ini tidak membawa makna yang besar dalam politik dan PRU-14 kelak. Kegigihannya berkempen tidak sepadan dengan usianya dan pemimpin lebih muda pula memang boleh berasa malu dengan perbezaan tenaga ini.

Bagaimanapun ternyata langkah ini hanya untuk sementara memandangkan usia tokoh ini yang semakin lanjut. Seterusnya, dipercayai pemimpin ini lebih berminat kepada perubahan kepemimpinan puncak dan tidak berminat untuk kembali menjadi perdana menteri.

Warisan dan Persaingan di Sabah

Perkembangan di Sabah juga amat menarik untuk diperhatikan. Latar belakang menunjukkan politik Sabah memang tidak menentu. Sejarah telah membuktikan politik di sini mudah berubah melalui parti yang baru ditubuhkan beberapa bulan boleh menumbangkan pemerintah yang sudah bertahun berkuasa. Pemimpin di sini juga mudah bertukar parti semudah menukar baju, apatah lagi untuk mendekati pilihan raya. Demikian juga pakatan parti dalam pilihan raya, hari ini kelihatan bersumpah setia dengan parti rakannya, tetapi esok boleh berpindah lagi.

Demikian juga dengan gelombang massa, hari ini menyukai parti pembangkang, namun esok lusa boleh berubah kepada parti pemerintah, dan demikian juga sebaliknya. Politik wang, pemberian berharga dan borang bukti pengundian sudah tidak asing di sini, dibuat secara terbuka, mengutip daripada pelbagai parti, tanpa sembunyi tanpa rahsia, dan sudah tentu tiada jaminan undi yang setia. Dengan kearifannya akan latar belakang ini Shafie Apdal enggan mengikat partinya dengan gerakan pembangkang dari Semenanjung. Juga enggan mengikat dengan pembangkang tempatan. Tindakan beliau kelihatan begitu kalkulatif. Sentimen Sabah dan anti-Semenanjung

Iklim politik buat masa ini kelihatan memihak kepada BN.

Namun, keadaan di bandar utama seperti Selangor tidak dapat diberi perhitungan semudah itu. Kebanyakan kerusi yang diperoleh PAS dahulu (yang kini dianggotai Amanah) tidak mungkin berjaya tanpa sokongan pengundi bukan Melayu. Pengundi bukan Melayu tidak mungkin mengundi PAS kerana menyokong parti ini, tetapi semata-mata kerana kerjasama dalam parti pembangkang yang menempatkan DAP sebagai wakil mereka. Sekarang sudah tidak lagi; undi bukan Melayu sudah tidak dapat diharap lagi, makanya menyukarkan kedudukan parti Islam ini dalam kawasan di bandar utama.

Persoalan utama yang selalu dibangkitkan ialah mungkinkah penguasaan majoriti dapat dikembalikan dan untuk ini BN perlu mendapat lebih 30 peratus lagi, satu bilangan yang agak besar, dan persoalan sampingan lebih perlu diberikan perhatian, iaitu dapatkah BN mengekalkan kedudukan yang ada sekarang?

Melihat akan trend pengundian umum kini menunjukkan bahawa pengundi tegar memang sudah mantap dengan pilihan mereka. Penyokong UMNO dan PAS umpamanya memang tidak berganjak daripada mengundi parti yang telah lama mereka dukungi. Demikian juga pengundi DAP dan PKR, tidak menampakkan mereka mudah berpindah semata-mata kerana tertarik akan manifesto atau pidato pemimpin di media. Semua itu semacam mitos politik negara ini dan kemungkinan amat tipis untuk berubah sokongan. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian besar sekitar 30 peratus pengundi atas pagar yang tidak jelas kecenderungannya. Mereka hanya membuat keputusan mengundi pada saat-saat akhir, dan perkembangan terakhir boleh mempengaruhinya seperti karisma kepemimpinan, habuan yang diperoleh serta keterampilan calon. Pengaruh ini yang bakal menentukan kemenangan parti masing-masing. Persoalannya, mereka ini tidak mudah dikenal pasti dan keadaan tersebut boleh berubah. BN atau pembangkang perlu memberikan




Adakah parti Warisan pimpinan Shafie Apdal mampu menguasai keseluruhan DUN di Sabah?

masih bergema, boleh dimanfaatkan dan dengan itu beliau amat berhati-hati agar tidak berkesudahan dengan "untung sekarang rugi seguni".

Warisan kelihatan besar gelombangnya di Semporna dan kawasan berdekatan, namun pengaruh di segenap pelosok lain negeri bawah bayu ini masih tidak cukup meyakinkan lagi. Pengaruh kepimpinan tempatan, habuan dan faktor federalisme masih mampu menarik pengundi di sana. Sesaat dapat menggembirakan pengundi menjelang hari pengundi dan sesaat itu juga undi boleh dicari kemudian nanti. Politik serba mungkin tetap menjadi label kepada politik negeri ini. Rakam dan musuh tiada yang kekal dalam politik di sini, yang kekal ialah habuan dan kepentingan.

Perkembangan persaingan di Sabah mutakhir ini tidak juga memberikan laluan mudah kepada Warisan untuk menjadi pembangkang tunggal yang padu. Selain parti ini, terdapat pakatan parti lain yang dinamakan United Sabah Alliance atau lebih dikenali dengan Gabungan Sabah. Pakatan ini diketuai oleh Parti Cinta Sabah pimpinan Wilfred Bumburing dan di samping parti ini, gabungan ini turut dianggotai STAR, Parti Harapan Rakyat Sabah dan SAPP. Anggota gabungan ini lebih tua daripada parti Warisan. Lebih kompleks lagi, dalam hal melihat persaingan di Sabah ialah wujud satu lagi gabungan yang dibina oleh PKR Sabah, DAP dan PAN, iaitu pembangkang yang bersifat nasional. Persaingan di Sabah menyaksikan persaingan antara tiga ketumbukan besar yang menjadikan Warisan tidak boleh mendakwa mereka boleh berperanan sebagai pencabar utama.

Kemunculan Gabungan Sabah secara tiba-tiba memang boleh menimbulkan seribu tanda tanya dan spekulasi betapa mungkin terdapat tangan bergerak di belakang pentas yang berperanan membina pakatan ini? Kemunculan pembangkang yang banyak hanya menjadikan pemecahan undi kepada mereka. Tanpa satu lawan satu seperti yang dibincangkan di atas menjadikan persaingan begitu longgar dan tumpuan undi tersebar. BN sudah tentu meraih kelebihan dalam kekalutan ini, dan kelebihan kematangan dan pengalaman mereka dalam hal menyusun calon untuk mengelak daripada pertembungan sesama sendiri yang sudah tentu



memberikan lebih keuntungan. Disiplin keras dalam BN tidak memungkinkan anggota komponen bergerak sendiri dan melawan keputusan ketua. Dalam hal ini, ketidaksepatan atau bantahan tetap wujud, cuma bezanya dalam BN diselesaikan dalam parti dan tidak meletup di luar. Pengalaman dan kematangan ternyata membezakan sebarang tindakan bantahan.

Sarawak Masih Simpanan Tetap

Gelora di Sabah tidak berjangkit ke Sarawak. Sebaliknya politik di Sarawak kini dapat dianggap paling tenang, mantap dan meyakinkan *status-quo*. Allahyarham Tok Nan berjaya menarik sokongan ramai dengan kepintaran beliau menyentuh isu sensitif sentimen Sarawakian. Isu federalisme, isu hak negeri, isu lama berkaitan bahasa, agama dan peribumi, semua dengan bijak cuba beliau tangani dengan mempamerkan kepentingan negeri. Rundingan dengan pemimpin negara tentang hal meyakinkan lagi penduduk Sarawak tentang komitmen Tok Nan dalam usaha pemeliharaan kepentingan Sarawak.

Namun, kedudukan Tok Nan ternyata amat sementara. Beliau diganti dengan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Hj. Openg. Abang Jo juga merupakan pemimpin populis, malah lebih populis berbanding dengan Tok Nan. Beliau arif tentang apa-apa yang menjadi perhatian penduduk Sarawak dan meneruskan usaha memperkukuh kedudukan Sarawak. Buat masa ini, muncul pula isu SSKM atau Sabah Sarawak Keluar Malaysia terutamanya dalam media sosial, namun dengan kehadiran pemimpin baharu ini ternyata gerakan tersebut tidak menjadi cabaran utama di negeri ini.

Sarawak dengan itu masih menjadi simpanan tetap BN. Krisis dalaman parti yang sebelum ini sentiasa menjadi duri dalam daging politik gabungan parti kini sudah reda. Isu ketua menteri tidak sepanas dahulu dan parti BN juga tidak bercakaran seperti sebelum ini. Sentimen Dayakisme yang sebelum ini boleh mencabar kelihatan semakin berkurangan, dan pengundi di pedalaman juga banyak bergantung pada parti komponen BN. Tindakan melompat parti, perubahan sokongan parti kepada Putrajaya dan kepimpinan pusat kelihatan tidak menjadi cabaran di sini.

Pemerhatian dalam PRU-14 ternyata tidak berlaku kepada Sarawak, sebaliknya Sabah dan tokoh utama pemerintah dan pembangkang di Semenanjung. Cabaran yang ada

hanyalah perkembangan DAP di kawasan pengundi Cina. Bilangannya kelihatan semakin meningkat dan pengabaian tentang hal ini boleh menjadikannya berbahaya, tidak kepada politik dalaman Sarawak tetapi bilangan kerusi parlimen di pusat.

PAS dan Perubahan Pakatan

Ketiadaan Allahyarham Tuan Guru Nik Aziz ternyata membawa perubahan besar kepada PAS. Gerakan membentuk Kerajaan Perpaduan sudah berkembang lama, tetapi masih tidak menjadi selagi tuan guru masih ada. Kepimpinan pusat ini hanya menunggu perubahan ini untuk meneruskan niat mereka. Kini mereka tidak berselindung lagi. Walaupun tidak diakui sepenuhnya, banyak pemerhati politik mengandaikan PAS kini bekerjasama dengan UMNO, atas nama demi Melayu, kepentingan Melayu dan Islam. Banyak perkara yang boleh dipersoalkan di sini, dan boleh membawa perbincangan lanjut yang melebihi panjangnya perbincangan ini. Suara presiden parti ternyata menjadi kata putus terhadap perubahan ini. Suara kepimpinan lain jelas menentang tetapi tidak berupaya menyekat kehendak presiden dan penyokongnya.

Bermula dengan ingin menjadi penasihat, kini bergema pula suara menjadi *king maker* atau penentu kepada keputusan seimbang dua pihak. Konon PAS sebagai pihak ketiga yang akan menentukan kemenangan dengan sokongan mereka kepada pihak mana yang seimbang. Ternyata kenyataan ini umpama belum duduk sudah berlunjur. PAS memiliki kekuatan luar biasa di Kelantan. Sokongan padu daripada penduduk di sana tidak menghairankan memandangkan tradisi politik Kelantan yang sudah lazim dengan PAS sejak dari zaman merdeka lagi. Lebih-lebih lagi dengan kepemimpinan utama dahulu seperti Dato' Asri dan Nik Aziz, sokongan padu rakyat di negeri ini memang kukuh. Namun untuk menjadi kuasa ketiga sekadar satu negeri PAS dominan ternyata jauh panggang dari api.

Bagi PH, pembelotan PAS memberikan kesan besar. Sudah tentu bilangan parlimen yang dimiliki PAS sama ada di Kelantan dan beberapa negeri lain sudah tidak menjadi milik PH lagi melainkan segolongan yang berubah menjadi Amanah. Kini mereka bukan sahaja perlu bertarung

menghadapi BN, tetapi juga menghadapi PAS, sudah tentu risikonya lebih tinggi, perbelanjaan lebih tinggi dan peluang yang lebih mencabar.

Kebangkitan pembangkang pada PRU-12 dan 13 ialah kesan daripada pakatan elektoral yang menjadi dalam kalangan pembangkang. Pemilihan tidak mempunyai kekeliruan bagi memilih satu antara dua, BN atau pakatan, dan dengan itu majoriti dua pertiga jelas tercabar. Dengan perubahan ini, kekeliruan pengundi akan menjelma kembali kerana tidak lagi pilihan satu daripada dua yang bertarung, kerana ada pula pihak ketiga. Pihak ini tidak pula menyertai rasmi dalam BN, kerana jika mereka menganggotai BN, maka memudahkan lagi pemilihan berbanding dengan persaingan kedua-dua pihak tadi. Penyokong PAS sebenarnya tidak selesa juga dengan UMNO dan BN, namun atas nama sokongan kepada ulama dan parti, mereka tetap akur - satu sentimen yang mudah dimanipulasi demi kepentingan politik.

PRU-14: Transparensi dan Demokrasi

Gerakan Bersih dengan baju kuning sudah banyak kali membuat perhimpunan menuntut pilihan raya yang bebas dan adil. Tuntutan ini sudah tentu berasaskan maklumat yang mereka peroleh tentang perjalanan PRU di negara ini. Persoalan pembelian undi secara terang, pengundi hantu, dakwat hitam yang tidak cukup hitam, pengundi berulang, pengundi awal dan pelbagai isu lain sebenarnya amat serius dan perlu mendapat perhatian SPR.

Pelbagai kes dibawa ke mahkamah dan menjadi cakupan penting dalam laporan badan transparensi dunia dan hak asasi. Semua ini perlu ditangani secara sihat. Kemenangan mana-mana pihak pun jika tidak dengan perjalanan PRU yang bersih hanya menjadikan politik negara sentiasa panas, kedudukan kerajaan tidak mantap dan sokongan moral dari luar juga kehilangan.

PRU-14 ini ternyata dapat digelar sebagai ibu segala pilihan raya kerana mendorong pelbagai spekulasi, malah kepada ekstrem jika keputusan di luar dugaan berlaku. Kemantapan BN dengan sokongan PAS kelihatannya memberikan kelebihan besar, namun pengundi yang semakin berpendidikan kadangkala cuba membawa perubahan.

Gelombang demokrasi sudah berkembang lama di negara lain, malah di negara ini, namun kekuatan sentimen feodal dan hegemoni pemerintah memberikan kelebihan kepada pengkalan *status-quo*. Harapan kepada PH jika wujud hanya kepada pakatan elektoral yang mantap. Sengketa dalaman yang sudah kelihatan hanya memberikan mata kemenangan kepada parti lawan.

Penulis ialah Felo Kanan Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

